

Kerelevanan Isi Kandungan Radio RTM Mirifm dalam Kalangan Masyarakat Miri

The Relevance Of RTM Mirifm Radio Content Among The Miri Community

Nurul Syahiela Binti Zaini¹, Md Rozalafri Johori^{2*}, Nuraina Nabila Dundai Abdullah³

¹ Calon Sarjana, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, nurulsyahiela@gmail.com

² Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, rozalafri@uis.edu.my

³ Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, nurainanabila@uis.edu.my

* Corresponding Author: Md Rozalafri Johori, Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, rozalafri@uis.edu.my

ABSTRACT

Dalam konteks perkembangan media digital yang semakin mencabar kedudukan media tradisional seperti radio yang merupakan medium komunikasi massa tertua di Malaysia, masih memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat, pendidikan, hiburan, serta memupuk nilai budaya kepada masyarakat. Namun begitu, wujud kebimbangan terhadap tahap kerelevanan radio, khususnya stesen RTM MiriFM, kerana masyarakat kini lebih terdedah kepada media sosial, penstriman audio, dan platform digital yang lebih interaktif. Jadi, objektif kajian adalah untuk menganalisis kerelevanan isi kandungan siaran radio RTM MiriFM dalam kalangan masyarakat Miri. Bagi mencapai matlamat ini, dengan menggunakan rekabentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang mana borang soal selidik digunakan, melibatkan 300 responden berusia antara 15 hingga 55 tahun dari lima kawasan sekitar Miri, iaitu Lutong, Pujut, Permyjaya, Piasau, dan Kampung Luak. Instrumen kajian terdiri daripada empat bahagian, dan data dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics 27 dengan tumpuan kepada analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan skor min sederhana tinggi (3.73–4.38), dengan kekuatan pada aspek bahasa mudah difahami, pesanan khidmat masyarakat, dan mesej nilai murni, manakala item berkaitan pilihan utama masyarakat mencatat skor lebih rendah. Kesimpulannya, RTM MiriFM kekal relevan sebagai medium maklumat dan pendidikan, tetapi perlu menyesuaikan strategi kandungan dengan arus digital agar terus kompetitif serta dekat di hati pendengar pelbagai lapisan masyarakat Miri.

Kata Kunci: *Kandungan Radio; Miri.FM; Media; Komunikasi; RTM*

ABSTRAK

In the context of digital media developments that increasingly challenge the position of

traditional media, radio—recognized as the oldest form of mass communication in Malaysia—continues to play an important role in delivering information, education, entertainment, and fostering cultural values in society. However, concerns remain regarding the relevance of radio, particularly RTM MiriFM, as communities are now more exposed to social media, audio streaming, and other interactive digital platforms. The objective of this study is to analyze the relevance of RTM MiriFM's broadcast content among the people of Miri. To achieve this, a quantitative research design was employed using a survey method. A structured questionnaire was distributed to 300 respondents aged between 15 and 55 years across five selected areas in Miri: Lutong, Pujut, Permyjaya, Piasau, and Kampung Luak. The instrument consisted of four sections, and the collected data were analyzed using IBM SPSS Statistics 27 with a focus on descriptive analysis. The findings indicate moderately high mean scores (3.73–4.38), with strengths identified in the areas of comprehensible language, effective public service announcements, and messages of moral values, while the item related to being the community's primary choice recorded a lower mean score. In conclusion, RTM MiriFM remains relevant as a medium of information and education, but it must adapt its content strategies to align with digital trends in order to remain competitive and maintain its position in the hearts of diverse audiences in Miri.

Keywords: Radio Content; Miri.FM; Media; Communication; RTM

Received: May 07, 2025

Accepted: November 06, 2025

Online Published: November 30, 2025

1. Pendahuluan

Ledakan teknologi maklumat pada era digital telah mengubah landskap komunikasi masyarakat secara signifikan. Media massa seperti radio kekal memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat yang cepat dan meluas, termasuk laporan berkaitan keselamatan awam, kesihatan dan kelancaran trafik. Walaupun media sosial dan platform digital semakin dominan, radio masih relevan kerana sifatnya yang unik sebagai medium komunikasi yang mudah diakses serta mempunyai jangkauan yang luas (Kuwi & Lai, 2023). Di Malaysia, radio terus menjadi saluran maklumat yang digemari masyarakat, khususnya ketika waktu pemanduan serta dalam kalangan komuniti luar bandar, sekali gus menegaskan kepentingannya dalam menembusi khalayak yang pelbagai.

Selain itu, radio masih mengekalkan kedudukan sebagai medium hiburan dan informasi yang dipercayai. Statistik terkini menunjukkan bahawa hampir 96 peratus masyarakat di Semenanjung Malaysia mendengar radio setiap minggu, dengan waktu mendengar yang konsisten dalam kalangan generasi muda mahupun golongan dewasa (GfK, 2022). Fenomena ini memperlihatkan bahawa radio tidak tenggelam meskipun media digital semakin mendapat tempat. Malah, kehadiran platform penstriman dalam talian dan aplikasi mudah alih telah mempertingkatkan keberkesanan penyampaian radio dengan menyediakan pilihan kandungan yang lebih fleksibel, pelbagai bahasa, serta lebih mudah diakses.

Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi oleh radio adalah keperluan untuk menyesuaikan diri dengan fenomena konvergensi media. Stesen radio kini bukan sahaja bersiaran secara terrestrial tetapi turut mengembangkan capaian melalui saluran digital dan media sosial agar terus relevan kepada pendengar yang semakin celik teknologi

(Harliantara & Sjuchro, 2025). Kajian Muslikhin (2025) pula menunjukkan bahawa generasi Z dan milenial lebih cenderung menggunakan platform digital seperti penstriman audio berbanding gelombang tradisional kerana faktor kemudahan capaian dan kualiti audio. Hal ini memberi implikasi besar kepada pengurus stesen radio untuk memperkukuh strategi digital agar dapat mengekalkan serta memperluas khalayak pendengar.

Dalam konteks Malaysia, penyelidikan yang dilakukan terhadap stesen radio agama mendapati bahawa pengurusan yang baik melalui penetapan sasaran pendengar yang jelas dan perancangan kandungan yang sistematik merupakan kunci untuk mengekalkan pendengar setia (Wahab, Ibrahim & Abas, 2023). Penemuan ini membuktikan bahawa strategi pengurusan yang tepat boleh dijadikan asas kepada stesen radio lain termasuk RTM MiriFM untuk menambah baik mutu siaran mereka. RTM sebagai penyiar awam memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat rasmi kerajaan, menyokong pembangunan industri kreatif tempatan, serta memperkukuh integrasi masyarakat berbilang kaum dan bahasa.

Namun begitu, permasalahan kajian ini timbul apabila peningkatan populariti media digital telah menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan radio, khususnya RTM MiriFM, untuk kekal sebagai sumber maklumat utama bagi masyarakat. Wujud kebimbangan bahawa radio semakin dilihat hanya sebagai medium hiburan semata-mata dan kurang diberi perhatian sebagai wadah pendidikan serta penyampaian maklumat berautoriti. Tambahan pula, masih kurang kajian terkini yang menilai kerelevanan RTM MiriFM dalam konteks komuniti Miri, sedangkan keunikan stesen ini terletak pada penyampaian kandungan dalam pelbagai bahasa tempatan termasuk Iban, Kenyah, dan Kayan.

Sehubungan itu, kajian ini digerakkan untuk menilai secara lebih mendalam kerelevanan kandungan siaran radio RTM MiriFM terhadap komuniti setempat. Objektif utama kajian adalah untuk menganalisis kerelevanan isi kandungan siaran radio RTM MiriFM dalam kalangan masyarakat Miri. Selaras dengan objektif tersebut, persoalan utama yang ingin dijawab ialah: Sejauh manakah kandungan siaran radio RTM MiriFM masih relevan dalam kalangan masyarakat Miri? Penelitian ini penting kerana ia bukan sahaja memberikan gambaran tentang kedudukan radio dalam ekosistem media semasa, tetapi juga mencadangkan langkah penambahbaikan agar RTM MiriFM kekal sebagai medium informasi yang dipercayai.

Secara keseluruhannya, pendahuluan ini menegaskan bahawa peranan radio dalam era digital perlu dikaji semula dengan menumpukan kepada keperluan masyarakat setempat. Dengan menjawab persoalan tentang kerelevanan kandungan RTM MiriFM di Miri, kajian ini berupaya memberi sumbangan signifikan terhadap strategi penjenamaan semula, perancangan kandungan, dan pembangunan komuniti melalui penyiaran yang lebih efektif.

2. Sorotan Literatur

Peranan radio sebagai medium komunikasi massa telah mengalami transformasi yang signifikan seiring perkembangan teknologi serta perubahan pola konsumsi media masyarakat global. Di Malaysia, radio kekal memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat, hiburan, dan pendidikan kepada khalayak yang pelbagai. Kajian Intan, NorHissam dan Assis Kamu (2021) menunjukkan bahawa radio masih diterima baik dalam kalangan wanita melalui akses pelbagai peranti, walaupun corak penggunaannya lebih cenderung kepada hiburan. Walau bagaimanapun, fungsi radio sebagai medium pendidikan dan maklumat tetap relevan, khususnya apabila kandungan disusun secara terarah untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Kajian Mohd Daly Daud et al. (2020) pula menegaskan bahawa radio mempunyai peranan budaya yang penting, kerana kandungan siaran yang menonjolkan identiti negeri mampu menarik minat pendengar. Hal ini disokong oleh Manap et al. (2019) yang mendapati bahawa radio masih relevan dalam kalangan Generasi Z, khususnya apabila faktor seperti lagu, humor, nilai ilmu, dan gaya pengendalian rancangan menjadi pertimbangan utama dalam pemilihan stesen. Farah (2023) menambah bahawa pendengar lebih mengutamakan saluran komersial seperti Radio Astro kerana kandungan yang dapat mengurangkan tekanan, mengatasi kebosanan, serta memupuk suasana kekeluargaan.

Di samping itu, radio masih menjadi medium penting untuk periklanan dan kempen sosial. Alter (2018) melaporkan bahawa kos yang berpatutan menjadikan radio kekal popular dalam kalangan pengiklan, selain fleksibel dalam memuatkan kandungan berbentuk pengumuman khidmat masyarakat, tazkirah, forum kesihatan, keselamatan dan keagamaan. Kajian Alan et al. (2020) yang dijalankan di pedalaman Sarawak mendapati bahawa maklumat utama yang dicari melalui radio ialah berita politik, hiburan, serta pengumuman kecemasan yang mendesak. Dapatan ini selaras dengan Johnson dan Rajadurai (2020) yang menekankan fungsi radio sebagai medium pembangunan ilmu pengetahuan masyarakat, manakala Mohammed (2018) menekankan keupayaan radio meningkatkan produktiviti masyarakat melalui pendedahan isu semasa.

Peranan radio komuniti juga semakin diiktiraf kerana impaknya terhadap pembangunan sosial setempat. Timalsina dan Pradhan (2019) mendapati bahawa radio komuniti membawa keberkesanan dalam sektor pertanian, meningkatkan penyertaan demokratik, memberi ruang kepada golongan marjinal, serta menyumbang kepada tadbir urus yang baik. Oleh itu, radio komuniti kekal sebagai medium komunikasi yang relevan kerana kos efektif, kemampuan menyebarkan maklumat dengan pantas, dan potensinya memperkasa komuniti luar bandar.

Perubahan global turut memberi kesan terhadap pola kandungan. Kajian Damas dan Aleman (2014) di Sepanyol mendapati industri radio telah menggunakan platform Twitter untuk menarik interaksi, apabila kandungan hiburan mengatasi genre maklumat. Walaupun begitu, Price (2017) menegaskan bahawa fungsi radio sebagai sumber maklumat dan hiburan kekal penting, hanya kaedah penyampaiannya berubah selaras dengan perkembangan teknologi digital. Penyelidikan terkini oleh Krause dan Fletcher (2023) pula menekankan bahawa radio memberi sumbangan besar dalam meningkatkan kualiti kehidupan golongan berusia, membuktikan bahawa medium ini tidak terbatas kepada generasi tertentu sahaja.

Di Malaysia, meskipun terdapat persaingan sengit daripada media digital, radio masih kekal sebagai medium komunikasi unik. Intan dan Juliana (2020) menegaskan bahawa radio bukan sahaja berperanan sebagai penyampai maklumat, tetapi juga berfungsi sebagai agen pembangunan negara melalui kandungan yang berinformasi dan mendidik. MalaysiaGazette (2025) melaporkan bahawa radio terus memainkan peranan signifikan dalam menyalurkan maklumat walaupun berdepan cabaran daripada podcast dan media sosial, justeru peningkatan kualiti kandungan dan strategi penyampaian amat diperlukan.

Kajian Kalonica, Arief Nuryana dan Yeni Febrianty (2024) terhadap Geronimo FM menunjukkan bahawa strategi mass attracting berjaya menarik pendengar dengan kandungan gaya hidup, kesihatan dan kecantikan. Selain itu, Saleem, Islam dan Bukhari (2024) mendapati bahawa radio turut berfungsi sebagai medium meningkatkan kesedaran sosio-politik dalam kalangan pendengar muda. Penemuan ini disokong oleh kajian Sriram, Jayawardhana dan Jairus (2020) yang menunjukkan bahawa pelajar mendengar radio bukan

sahaja untuk hiburan muzik, malah bagi meningkatkan pengetahuan, mengurangkan tekanan, dan mengikuti isu terkini.

Tambahan pula, Jayawardhana, Sriram dan Jairus (2022) mengesahkan bahawa pengalaman mendengar radio memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi pelajar, termasuk membantu mengurus tekanan akademik. Dapatan ini selaras dengan hakikat bahawa radio berfungsi lebih daripada sekadar medium hiburan, sebaliknya mampu memberi impak psikologi dan sosial kepada pendengarnya.

Statistik semasa turut menunjukkan bahawa radio kekal relevan di Malaysia. Laporan Astro Awani (2024) mencatatkan hampir 15 juta pendengar mingguan bagi rangkaian radio Astro, dengan ERA dan Sinar sebagai stesen paling popular. Hal ini membuktikan bahawa radio masih mempunyai tempat istimewa dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Secara keseluruhannya, literatur menegaskan bahawa radio masih penting sebagai sumber maklumat dan hiburan, walaupun platform dan kaedah penyampaian telah berubah. Untuk kekal relevan, stesen radio perlu menyesuaikan kandungan serta strategi penyiaran agar selari dengan perubahan teknologi, kehendak pasaran, dan pola media khalayak kontemporari.

2.1 Perkembangan Radio Di Malaysia

Radio, sebagai medium elektronik pertama sebelum kemunculan televisyen, memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan hiburan kepada masyarakat. McLeish (2005) menggambarkan radio sebagai "medium buta," merujuk kepada keupayaannya mempengaruhi pendengar tanpa visual, membolehkan mereka membayangkan apa yang didengari. Sejarah radio di Malaysia bermula pada tahun 1921 apabila Al Birch, seorang jurutera elektrik kerajaan Johor, membawa masuk set radio pertama ke negara ini dan menubuhkan Persatuan Wireless Johor yang memulakan siarannya melalui gelombang 300 meter. Pada tahun 1930, Sir Earl dari pelabuhan Singapura melancarkan siaran gelombang pendek yang disiarkan pada hari Rabu dan Ahad. Usaha ini diperhebatkan oleh Persatuan Wireless Malaysia yang melancarkan siarannya dari Bukit Petaling, Kuala Lumpur melalui gelombang 325 meter. Pada tahun 1940, Negeri-negeri Selat mengambil alih Perbadanan Penyiaran British Malaya, menjadikannya sebahagian daripada Kementerian Penerangan British dan dikenali sebagai Perbadanan Penyiaran Malaya.

Semasa pendudukan Jepun pada tahun 1942, saluran radio di Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Kuala Lumpur, dan Seremban diambil alih untuk menyiarkan propaganda mereka. Pada tahun 1943, stesen radio tersebut diambil alih semula oleh British. Penubuhan Jabatan Penyiaran di Singapura bermula pada 1 April 1946. Pembangunan perkhidmatan radio menjadi penting semasa pengisytiharan darurat pada tahun 1948. Pada awal 1950-an, penyiaran di Malaya beroperasi sementara di Jalan Young, Kuala Lumpur, dan berpindah ke Rumah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1956, menandakan perkembangan bidang penyiaran di seluruh Malaysia. Perkembangan radio pada tahun 1960-an mendorong penubuhan stesen-stesen radio di daerah-daerah lain. Masyarakat memanfaatkan radio untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mudah, tepat, dan mendalam. Abdul Razak Hussein (1973) menjelaskan bahawa peranan radio adalah untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, terutama di luar bandar, serta mendedahkan kemajuan, pembangunan, dan ekonomi dengan lebih mudah dan pantas berbanding media massa lain seperti akhbar yang sukar didapati di luar bandar.

Pada tahun 1960, iklan komersial disiarkan di radio buat pertama kalinya, menjadi sumber pendapatan kerajaan. Pada 16 September 1963, semasa pembentukan Malaysia, juruhebah menggunakan tagline "Inilah Radio Malaysia" ketika bertugas. Radio dan

televisyen kemudian digabungkan di bawah Kementerian Penerangan, dengan operasi radio bermula 24 jam sebagai tanda perkhidmatan kepada masyarakat, khususnya golongan yang bekerja pada waktu malam. Radio Televisyen Malaysia (RTM), yang dahulunya terdiri daripada beberapa stesen sahaja, kini mempunyai 34 stesen di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Penubuhan Radio 1, pada asalnya dikenali sebagai Siaran Rangkaian Nasional, berkonsepkan Siaran Kebangsaan dengan maklumat bersifat umum. Seterusnya, stesen radio di setiap negeri ditubuhkan di bawah kawalan Jabatan Penyiaran Malaysia, dinamakan mengikut ibu negeri masing-masing, seperti Radio 3 Shah Alam, Radio 3 Kuantan, dan Radio 3 Ipoh. Nama stesen-stesen tersebut mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan semasa dan dikomersialkan, contohnya, Stesen Radio 3 Kuala Lumpur (R3KL) diubah menjadi Radio 3 Ibukota (R3IK) dan seterusnya dikenali sebagai Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL). Walaupun begitu, objektif seluruh stesen radio adalah sama, iaitu menyiarkan konsep Siaran Kebangsaan.

Siaran radio dimanfaatkan secara maksimum dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Aspek pertama yang ditekankan adalah penubuhan rangkaian radio mengikut bahasa utama di Malaysia, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina, dan Bahasa Tamil. Stesen Radio 2 dan Stesen Radio 3 menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara, manakala Stesen Radio 4 menggunakan Bahasa Inggeris. Stesen Radio 5 menggunakan Bahasa Mandarin, Stesen Radio 6 menggunakan Bahasa Tamil, dan Stesen Radio 7 ditubuhkan khas untuk masyarakat Orang Asli. Selain itu, Malaysia turut menyediakan perkhidmatan Suara Malaysia ke luar negara dalam lapan bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Thai, Bahasa Myanmar, Bahasa Arab, dan Bahasa Tagalog. Penggunaan slot-slot rancangan tertentu juga ditekankan dalam menyampaikan maklumat. Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai peneraju telah melaksanakan pendekatan tersebut, maka prinsip dan konsep terbitan setiap stesen radio adalah selari dengan matlamat yang digariskan oleh pihak RTM.

Selain daripada radio RTM yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia, penubuhan dan operasi radio-radio swasta juga dibenarkan. Ini mewujudkan persaingan yang sihat dan memberikan banyak pilihan kepada pendengar. Secara tidak langsung, kandungan radio menjadi pelbagai dengan corak persembahan yang kreatif dan tersendiri mengikut kreativiti stesen radio masing-masing demi menarik perhatian pendengar.

2.2 Radio Malaysia (RTM)

Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan organisasi penyiaran milik penuh kerajaan Malaysia yang beroperasi dari ibu pejabatnya di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Sejak penubuhannya pada 1 April 1946 sebagai Radio Malaya, RTM telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan hiburan kepada rakyat Malaysia. Pada tahun 1963, RTM memulakan siaran televisyen pertamanya, menandakan permulaan era baru dalam penyiaran negara (Hashim, 1989). RTM kini mengendalikan enam saluran televisyen dan 34 stesen radio, termasuk enam stesen nasional, 14 stesen negeri, dan 13 stesen radio tempatan. Stesen-stesen radio ini berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, pendidikan, dan hiburan kepada masyarakat, selaras dengan peranan RTM sebagai agen pemupukan literasi masyarakat (Hashim, 1989).

Dalam era digital, RTM menghadapi cabaran untuk kekal relevan dan memenuhi keperluan pendengar yang semakin celik teknologi. Bahagian Media Digital Interaktif (MDI) RTM, yang ditubuhkan pada tahun 2006, bertanggungjawab memantau dan menyelia

pembangunan kandungan digital untuk siaran TV digital, siaran hibrid (gabungan program radio dan TV), dan program dalam talian. Ini termasuk pembangunan aplikasi interaktif HbbTV (televisyen hibrid siaran jalur lebar) untuk siaran TV digital, perkhidmatan RTM dalam talian, dan pengisian kandungan digital interaktif di media sosial (Sinar Harian, 2021). Selain itu, RTM berperanan penting dalam menyampaikan agenda nasional kepada rakyat. Menerusi enam saluran TV dan 34 stesen radio yang berdepan pelbagai cabaran, RTM kekal relevan sebagai suara penghubung antara kerajaan dengan rakyat (Berita RTM, 2023). Untuk memastikan kelangsungan dan relevansi dalam industri penyiaran yang semakin kompetitif, RTM telah melaksanakan strategi penjenamaan semula. Kajian terhadap Radio RTM Sabah menunjukkan bahawa penjenamaan semula ini bertujuan menampilkan imej dan pakej baru siaran dan program RTM supaya relevan dalam perkembangan dunia penyiaran masa kini (Jamal, 2020). Secara keseluruhannya, RTM terus berusaha untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan kehendak pendengar, sambil mengekalkan peranannya sebagai penyiar awam yang menyampaikan maklumat, pendidikan, dan hiburan kepada masyarakat Malaysia.

2.3 Radio Sarawak.FM dan Kandungan Siaran

Sarawak FM, yang dahulunya dikenali sebagai Radio Sarawak, mula bersiaran pada 8 Jun 1954 dan kini beroperasi 24 jam sehari dari Bangunan RTM di Jalan P. Ramlee, Kuching. Stesen ini merupakan salah satu platform utama penyampaian maklumat kepada masyarakat Sarawak, dengan liputan siaran yang meluas, termasuk ke Kalimantan dan Brunei (Sarawak FM, 2023). Sejak awal penubuhannya, Sarawak FM memainkan peranan penting dalam memperkukuh identiti budaya serta menyebarkan maklumat berkaitan isu semasa, pendidikan, dan hiburan kepada penduduk tempatan (Johan, 2019).

Misi utama RTM Sarawak adalah membina masyarakat bermaklumat melalui penyiaran radio, televisyen, dan media baharu. Dalam usaha mengekalkan relevansi sebagai media pilihan utama, Sarawak FM sentiasa membangunkan kandungan berkualiti, kreatif, dan inovatif, serta memanfaatkan infrastruktur penyiaran moden untuk meningkatkan liputan siaran (RTM, 2021). Secara lebih khusus, objektif utama Sarawak FM termasuk:

1. Menyebarkan maklumat melalui pelbagai platform penyiaran.
2. Memangkin pembangunan industri kandungan kreatif negara.
3. Mendukung warisan dan budaya bangsa Malaysia.
4. Memperluas jaringan kerjasama dan kolaborasi strategik dalam dan luar negara (Sarawak FM, 2023).

Sarawak FM menawarkan pelbagai segmen menarik yang memenuhi keperluan pendengar daripada pelbagai latar belakang. Antara segmen utama ialah:

1. Selamat Pagi Sarawak – Bersiaran dari pukul 6 hingga 10 pagi, segmen ini menyediakan hiburan untuk semua peringkat umur serta maklumat harian seperti tip kesihatan, motivasi, dan berita terkini (Sarawak FM, 2023).
2. Ekspresi – Disiarkan dari pukul 10 pagi hingga 2 petang, segmen ini berbentuk hiburan santai yang ditujukan khas kepada golongan suri rumah dan pekerja. Antara rancangan menarik dalam segmen ini ialah "Sumur Inspirasi," "Wanita Dalam Islam," dan "Dekat Di Hati" (RTM, 2021).

3. Ritma – Bersiaran dari pukul 2 hingga 6 petang, segmen ini popular dalam kalangan pendengar waktu petang kerana menyajikan lagu-lagu retro serta rancangan seperti "Menarik Seleksi Retro" dan "i-Sihat/i-Teach/i-Sukan" (Johan, 2019).
4. Simfoni – Disiarkan dari pukul 6 petang hingga 9 malam, segmen ini menampilkan hiburan santai dengan lagu dakwah, nasyid, serta kapsul-kapsul agama seperti "Tazkirah," "Sirah Pilihan," dan "Belajar Bahasa Arab" (RTM, 2021).
5. Gatra – Bersiaran dari pukul 9 malam hingga 12 tengah malam, segmen ini menjadi peneman pendengar golongan remaja dengan lagu-lagu baru serta info terkini. Rancangan menarik termasuk "Pilihan Gatra," "Carta Rock Jer," dan "Trending" (Sarawak FM, 2023).
6. Layan – Segmen yang menyajikan lagu-lagu hiburan tanpa henti dari pukul 12 tengah malam hingga 6 pagi, memberi peluang kepada pendengar untuk menikmati muzik sepanjang malam (Johan, 2019).

Sarawak FM memainkan peranan penting dalam industri penyiaran Malaysia dengan menyediakan kandungan siaran yang relevan dan memenuhi keperluan masyarakat setempat. Dengan pendekatan penyampaian maklumat yang inklusif dan penerapan teknologi moden, stesen ini berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai medium komunikasi yang berkesan dalam kalangan penduduk Sarawak. Keupayaan Sarawak FM dalam menyesuaikan diri dengan perubahan media digital juga menjadi faktor utama dalam memastikan kesinambungan dan daya saingnya dalam industri penyiaran tempatan.

2.4 Radio RTM MiriFM dalam Kalangan Masyarakat Miri

Radio Televisyen Malaysia (RTM) memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat, hiburan, dan pendidikan kepada masyarakat Malaysia. Salah satu stesen di bawah naungannya ialah MiriFM, yang beroperasi di bandar Miri, Sarawak. RTM Miri telah dibina dengan kos RM2.8 juta dan dirasmikan oleh Y.A.B Allahyarham Tun Abdul Razak pada 2 September 1975. Pembinaan stesen ini bermula pada tahun 1972 dan terletak di atas bukit menghadap Laut Cina Selatan. RTM Miri merupakan stesen radio ketiga yang beroperasi di Sarawak selepas RTM Limbang (1971) dan RTM Sibu (1974). Kompleks RTM Miri terdiri daripada dua bangunan utama: Bangunan Penyiaran dan Bangunan Stesen Pemancar. MiriFM menyiarkan program selama 6 jam sehari, dari pukul 3 petang hingga 9 malam, dalam empat bahasa: Bahasa Melayu, Iban, Kayan, dan Kenyah. Antara segmen utama termasuk:

1. Mesra: Bersiaran dari 9 pagi hingga 12 tengah hari, segmen ini membolehkan pendengar menghantar ucapan melalui laman Facebook rasmi MiriFM atau menghubungi talian 085-423634.
2. Retro MiriFM: Disiarkan setiap hari dari 10 pagi hingga 11 pagi, segmen ini mengimbau nostalgia dengan memainkan lagu-lagu malar segar sepanjang zaman.
3. Biau Balai V 2.0: Segmen perkhidmatan Iban yang bersiaran secara langsung setiap Khamis dari 2 petang hingga 3 petang bersama DJ Desmond.
4. Petangen: Segmen perkhidmatan Kayan yang disiarkan setiap Sabtu dari 12 tengah hari hingga 3 petang dengan tagline 'Ngepi Itam' yang bermaksud menyatupadukan kita.

5. Carta Hits MiriFM: Disiarkan setiap Sabtu dari 10 pagi hingga 11 pagi, menampilkan lagu-lagu popular terkini.
6. Anak Dumit: Segmen perkhidmatan Kenyah yang bersiaran setiap Sabtu dari 5 petang hingga 6 petang bersama DJ Jude.

Miri, diisytiharkan sebagai bandar raya pada 20 Mei 2005, merupakan bandar kedua terbesar di Sarawak dengan penduduk dianggarkan seramai 300,543 orang pada tahun 2021. Komposisi etnik yang pelbagai, termasuk Iban, Cina, Melayu, Melanau, Bidayuh, dan lain-lain, mencerminkan kepelbagaian budaya di kawasan ini. MiriFM memainkan peranan penting dalam menyatukan komuniti melalui penyiaran dalam pelbagai bahasa dan segmen yang memenuhi keperluan serta minat pelbagai kumpulan etnik.

Dalam era pendigitalan, peranan radio sebagai medium komunikasi tradisional menghadapi cabaran untuk kekal relevan. Menurut kajian oleh Intan Soliha Ibrahim dan Juliana Abdul Wahab (2021), radio perlu menyesuaikan kandungan dan penyampaiannya agar sesuai dengan kehendak pendengar masa kini. MiriFM, melalui pelbagai segmen dan penggunaan pelbagai bahasa, berusaha memenuhi keperluan pendengar tempatan. Namun, kajian lanjut diperlukan untuk menilai sejauh mana kandungan yang disiarkan memenuhi kehendak dan minat masyarakat Miri dalam konteks semasa.

MiriFM, sebagai stesen radio tempatan di bawah RTM, memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat, hiburan, dan pendidikan kepada masyarakat Miri yang pelbagai etnik. Melalui pelbagai segmen dan penggunaan pelbagai bahasa, MiriFM berusaha memenuhi keperluan pendengar tempatan. Namun, dalam menghadapi era pendigitalan, adalah penting bagi MiriFM untuk terus menilai dan menyesuaikan kandungan siarannya agar kekal relevan dan menarik minat pendengar masa kini.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan rentas-seksyen bagi menilai kerelevanan isi kandungan siaran radio RTM MiriFM dalam kalangan masyarakat setempat. Reka bentuk kuantitatif dipilih kerana membolehkan pengumpulan data secara sistematik dan terukur bagi menjawab objektif serta persoalan kajian. Kaedah tinjauan melalui edaran soal selidik memberi peluang kepada pengkaji memperoleh maklumat yang seragam daripada sejumlah besar responden, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dapatan.

Populasi kajian terdiri daripada penduduk bandar Miri, Sarawak yang berusia antara 15 hingga 55 tahun dan mendengar siaran RTM MiriFM. Lokasi kajian merangkumi lima kawasan utama iaitu Lutong, Pujut, Permyjaya, Piasau dan Kampung Luak, yang dipilih berdasarkan liputan frekuensi siaran 98.0 MHz. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak, jumlah populasi lima kawasan ini adalah sekitar 50,413 orang.

Saiz sampel ditentukan dengan merujuk kepada Jadual Krejcie & Morgan (1970), iaitu 300 responden dipilih bagi mewakili populasi tersebut. Kaedah pensampelan dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahap pertama, pemilihan kawasan dibuat secara bertujuan kerana melibatkan liputan RTM MiriFM. Pada tahap kedua, responden dalam kawasan berkenaan dipilih secara rawak mudah. Pendekatan ini memastikan keterwakilan populasi serta kebolehpercayaan dapatan kajian.

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang terbahagi kepada empat bahagian utama: (A) kerelevanan isi kandungan, (B) pandangan masyarakat, (C) tujuan mendengar

radio, dan (D) demografi responden. Skala Likert lima mata digunakan bagi menilai tahap persetujuan responden, daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis melibatkan 30 penjawat awam di Miri telah dijalankan. Nilai Cronbach's alpha yang diperoleh bagi konstruk utama berada pada julat 0.77 hingga 0.84, menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang baik. Data kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 27, dengan tumpuan kepada analisis deskriptif seperti min, sisihan piawai, kekerapan, dan peratusan. Analisis ini membolehkan dapatan ditafsir dengan jelas selaras dengan objektif kajian.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibentangkan melalui analisis deskriptif yang melibatkan peratusan, kekerapan dan skor min. Analisis ini merangkumi ciri demografi responden serta penilaian terhadap kerelevanan isi kandungan siaran radio RTM MiriFM dalam kalangan masyarakat Miri.

4.1 Analisis Deskriptif Demografi Responden

Profil demografi responden menunjukkan penyertaan yang seimbang dari segi jantina, dengan lelaki seramai 151 orang (50.3%) dan perempuan 149 orang (49.7%). Perwakilan yang hampir seimbang ini memperlihatkan bahawa data yang dikumpul tidak berat sebelah dari segi jantina, sekali gus memberikan gambaran yang lebih holistik tentang pola pendengar radio RTM MiriFM. Dapatan ini turut mengesahkan bahawa radio masih didengari oleh kedua-dua kelompok gender secara hampir setara di bandar Miri. Maklumat lengkap seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Demografi Responden

	Jumlah	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	151	50.3
Perempuan	149	49.7
Umur		
15-20	22	7.3
20-24	73	24.3
25-29	84	28.0
30-34	58	19.3
35-39	37	12.3
40-44	16	5.3
45-50	6	2.0
51-55	4	1.3
Pendapatan		
RM500-RM1000	35	11.7
RM1000-RM1500	56	18.7
RM1500-RM2000	59	19.7
RM2000-RM2500	32	10.7
RM2500-RM3000	26	8.7
RM3000-RM3500	12	4.0
RM3500-RM4000	7	2.3

RM4000-RM4500	4	1.3
RM4500 dan ke atas	9	3.0
Tiada Pendapatan	60	20.0
Pekerjaan		
Kerajaan	104	34.7
Swasta	80	26.7
Pelajar	43	14.3
Surirumah	27	9.0
Bekerja Sendiri	23	7.7
Pencen	27	9.0
Pendidikan		
UPSR	4	1.3
PMR	17	5.7
SPM	118	39.3
STPM	37	12.3
Asasi	3	1.0
Diploma	70	23.3
Sarjana Muda	48	16.0
Sarjana	3	1.0
Bangsa		
Melayu	80	26.7
Iban	66	22.0
Cina	33	11.0
Melanau	28	9.3
Kedayan	27	9.0
Kenyah	18	6.0
Kelabit	11	3.7
Kayan	10	3.3
Berawan	7	2.3

Dari segi umur, kajian mendapati majoriti responden ialah golongan muda dan dewasa awal. Kumpulan umur 25–29 tahun mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 84 orang (28.0%), diikuti oleh kumpulan 20–24 tahun seramai 73 orang (24.3%), dan 30–34 tahun seramai 58 orang (19.3%). Sebaliknya, golongan berusia lebih 40 tahun membentuk peratusan yang lebih kecil, dengan hanya 6 responden (2.0%) berusia 45–50 tahun dan 4 responden (1.3%) berusia 51–55 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa pendengar aktif MiriFM cenderung datang daripada kalangan generasi muda yang lebih dinamik dan terdedah kepada pelbagai pilihan media.

Dari aspek pendapatan, majoriti responden berada dalam kategori B40 dengan pendapatan bulanan antara RM1,000 hingga RM2,000. Seramai 59 orang (19.7%) berpendapatan RM1,500–RM2,000 manakala 56 orang (18.7%) berpendapatan RM1,000–RM1,500. Menariknya, terdapat 60 responden (20.0%) yang tidak mempunyai pendapatan tetap, terdiri daripada pelajar dan suri rumah. Keadaan ini memperlihatkan bahawa radio

RTM MiriFM masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan sederhana dan rendah, yang menjadikan radio sebagai medium maklumat yang kos efektif berbanding media berbayar.

Bagi pekerjaan, responden yang bekerja dengan sektor kerajaan mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 104 orang (34.7%), diikuti sektor swasta seramai 80 orang (26.7%). Selain itu, terdapat 43 pelajar (14.3%), 27 suri rumah (9.0%), 23 bekerja sendiri (7.7%) dan 27 pesara (9.0%). Data ini menggambarkan bahawa MiriFM berjaya menarik khalayak yang heterogen dari segi latar belakang kerjaya, dengan dominasi kumpulan penjawat awam yang lazimnya menjadikan radio sebagai sumber maklumat semasa dan hiburan harian.

Dari segi pendidikan dan etnik, majoriti responden berpendidikan SPM (39.3%) dan Diploma (23.3%), diikuti dengan Ijazah Sarjana Muda (16.0%). Hal ini menunjukkan bahawa radio masih mendapat sambutan daripada golongan berpendidikan menengah dan tinggi. Dari aspek etnik pula, responden terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, dengan Melayu (26.7%), Iban (22.0%), Cina (11.0%), serta kumpulan etnik lain seperti Melanau, Kedayan, Kenyah, Kelabit, Kayan dan Berawan. Kepelbagaian ini mencerminkan kekuatan unik RTM MiriFM sebagai stesen radio komuniti yang berfungsi dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak.

4.2 Analisis Deskriptif kerelevanan Isi Kandungan Radio RIM Miri FPM

Berdasarkan analisis deskriptif, hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden menilai isi kandungan RTM MiriFM sebagai masih relevan dengan min yang berada pada tahap sederhana hingga tinggi (3.73–4.38) seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Analisis Kerelevanan Isi Kandungan Siaran Radio RTM Miri.FM

Item	STS (%)	TB (%)	TP (%)	B (%)	SB (%)	Min
Rancangan yang disiarkan oleh radio RTM memenuhi kehendak saya.	1	10	24.3	41.3	23.3	3.76
Saya berpuas hati dengan isi kandungan siaran radio RTM.	0.7	4.7	25.3	46.7	22.7	3.86
Isi kandungan siaran radio RTM menjadikan saya sebagai seorang yang bermaklumat.	0	2	14.3	50.7	33	4.15
Saya menerima siaran radio RTM sebagai satu bentuk pendidikan.	0.3	1	15.3	49.7	33.7	4.14
Saya menjadi lebih menghormati orang lain apabila mendengar mesej-mesej nilai murni di radio RTM.	0.3	0.7	13	48	38	4.23

Isi kandungan siaran radio RTM Miri FM menjadi pilihan utama masyarakat di Miri.	2.3	10	26.3	34.7	26.7	3.73
Isi kandungan siaran radio RTM Miri FM perlukan ASPEK Perubahan mengikut arus zaman.	0.3	1	9	39.7	50	4.38
Maklumat yang disampaikan oleh radio RTM Miri FM sangat jelas.	0	0.7	12.7	51	35.7	4.22
Bahasa yang digunakan oleh radio RTM Miri FM mudah difahami.	0	0.3	9.3	48.3	42	4.32
Pesanan Khidmat Masyarakat yang disampaikan oleh radio RTM Miri FM memberikan kesan yang baik untuk saya.	0	0.7	13	40.3	45.7	4.31


Pertama, dari segi kepuasan terhadap kandungan, majoriti responden bersetuju bahawa rancangan yang disiarkan memenuhi kehendak mereka (min = 3.76), manakala tahap kepuasan keseluruhan terhadap isi kandungan mencatatkan min = 3.86. Walaupun kedua-dua nilai ini berada pada tahap sederhana, ia tetap menunjukkan bahawa pendengar berpuas hati dengan variasi program yang ditawarkan. Hal ini menandakan bahawa RTM MiriFM berjaya menyediakan kandungan yang berfungsi sebagai hiburan dan sumber maklumat asas bagi komuniti setempat.

Kedua, analisis berkaitan fungsi maklumat dan pendidikan menunjukkan dapatan yang lebih tinggi. Responden menilai bahawa isi kandungan RTM MiriFM menjadikan mereka lebih bermaklumat (min = 4.15) dan dapat diterima sebagai bentuk pendidikan (min = 4.14). Selain itu, mesej-mesej nilai murni dalam kandungan radio juga memberi kesan positif dengan skor min tertinggi dalam kumpulan ini iaitu 4.23. Dapatan ini membuktikan bahawa radio bukan sahaja berperanan sebagai medium hiburan, malah menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan pengetahuan pendengar.

Ketiga, dari perspektif penerimaan khalayak terhadap stesen, min yang diperoleh bagi item “Isi kandungan siaran radio RTM MiriFM menjadi pilihan utama masyarakat di Miri” ialah 3.73, iaitu paling rendah dalam senarai. Walaupun skor ini masih berada pada tahap sederhana, ia menunjukkan bahawa pendengar mempunyai alternatif lain dalam memilih medium hiburan dan maklumat. Namun begitu, item “Isi kandungan siaran radio RTM MiriFM perlukan aspek perubahan mengikut arus zaman” memperoleh min tertinggi iaitu 4.38, membuktikan wujud tuntutan yang jelas daripada masyarakat agar stesen ini melakukan penyesuaian terhadap gaya penyampaian dan bentuk kandungan untuk kekal relevan dalam era digital.

Akhir sekali, aspek teknikal penyampaian turut mendapat penilaian positif. Maklumat yang disampaikan dianggap jelas (min = 4.22), bahasa mudah difahami (min = 4.32), dan pesanan khidmat masyarakat berkesan (min = 4.31). Nilai min yang tinggi dalam aspek ini menunjukkan kekuatan utama RTM MiriFM adalah pada kredibiliti penyampaiannya, yang

berjaya mengekalkan kefahaman pendengar daripada pelbagai latar belakang etnik dan pendidikan di Miri. Secara keseluruhannya, hasil analisis membuktikan bahawa RTM MiriFM masih relevan, namun memerlukan inovasi kandungan agar terus kompetitif dan memenuhi kehendak masyarakat Miri yang semakin terdedah kepada media digital. Ini dapat dirangkumkan seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Analisis Kerelevanan Isi Kandungan RTM MiriFM

Rajah 1 di atas, graf bar mendatar merupakan dapatan analisis kerelevanan isi kandungan siaran RTM MiriFM berdasarkan skor min yang diperoleh daripada responden kajian. Daripada Rajah 1 ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa aspek “Perlu perubahan mengikut arus zaman” mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.38, diikuti oleh “Bahasa mudah difahami” (4.32) dan “Pesanan khidmat masyarakat berkesan” (4.31). Dapatan ini menunjukkan bahawa pendengar menekankan keperluan inovasi kandungan agar selari dengan perkembangan semasa, di samping mengiktiraf kekuatan RTM MiriFM dalam aspek penyampaian bahasa dan keberkesanan mesej berbentuk khidmat masyarakat. Sebaliknya, item “Pilihan utama masyarakat Miri” memperoleh skor min paling rendah iaitu 3.73, yang memberi gambaran bahawa walaupun RTM MiriFM masih relevan, wujud persaingan dengan medium hiburan dan maklumat lain. Secara keseluruhannya, graf ini memberikan gambaran visual yang jelas mengenai persepsi khalayak terhadap kerelevanan kandungan siaran RTM MiriFM.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa radio, khususnya RTM MiriFM, masih memainkan peranan yang signifikan sebagai medium komunikasi massa dalam kalangan masyarakat Miri. Walaupun era digital membawa pelbagai cabaran dengan kemunculan platform baharu seperti penstriman audio dan media sosial, dapatan menunjukkan isi kandungan RTM MiriFM masih

relevan dan diterima baik oleh pendengar. Ciri-ciri utama seperti bahasa yang mudah difahami, mesej berbentuk khidmat masyarakat yang berkesan, serta kandungan berunsur pendidikan dan nilai murni membuktikan bahawa stesen ini terus menjadi wadah maklumat yang dipercayai.

Namun begitu, kajian ini turut menggariskan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk penambahbaikan dari aspek strategi kandungan dan bentuk penyampaian. Analisis menunjukkan bahawa pendengar menuntut inovasi agar RTM MiriFM menyesuaikan siarannya dengan arus perkembangan teknologi dan kehendak generasi muda yang semakin terdedah kepada pilihan media digital. Justeru, pihak pengurusan RTM MiriFM perlu mempertimbangkan pendekatan konvergensi media dengan memperkuat penggunaan platform digital dan interaktif bagi memastikan stesen terus kekal kompetitif dan diminati.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memberikan sumbangan penting kepada literatur tentang peranan radio dalam masyarakat majmuk di Malaysia, khususnya di Sarawak. RTM MiriFM berpotensi untuk terus berfungsi sebagai medium informasi, pendidikan, hiburan dan integrasi sosial sekiranya ia mampu mengekalkan kekuatan tradisionalnya sambil melakukan transformasi digital yang progresif. Oleh itu, dapatan kajian ini bukan sahaja relevan untuk RTM MiriFM, tetapi juga boleh dijadikan panduan strategik kepada stesen radio lain dalam usaha mengekalkan kedudukan sebagai medium komunikasi yang relevan, inklusif, dan berkesan di era digital.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Zarin Ismail. (2005). Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja: Tinjauan pengaruh media hiburan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), 34–47.
- Abdul Munir Ismail. (2016). *Media massa sebagai sumber maklumat pantas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Razak Hussein. (1973). *Peranan radio dalam pembangunan masyarakat luar bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Hussein. (1973). *Peranan radio dalam perpaduan nasional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Khas Jabatan Penyiaran.
- Abdullah, R. (2019). Pengaruh kandungan agama dalam siaran radio tempatan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Islam*, 11(1), 34–45.
- Abercrombie, N., & Longhurst, B. (2019). *Popular media cultures: The social world of music, news and entertainment*. Routledge.
- Ahmad, Z. (2020). Cabaran media sosial terhadap radio komuniti di Malaysia. *Media Studies Journal*, 15(2), 123–135.
- Ahmad, Z., & Chang, M. (2017). Japanese occupation and the role of radio propaganda in Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies*, 48(2), 345–360.
- Ala-Fossi, M., Lax, S., & Shaw, H. (2018). The evolution of radio in the digital era. *Digital Media and Society Journal*, 5(4), 23–38.
- Alan, J., Sidi, S., & Ling, H. (2020). Radio listening trends in rural Sarawak: News, politics and emergencies. *Borneo Journal of Communication*, 2(1), 15–29.
- Alter, A. (2018). Radio as a medium for advertising and social campaigns. *Journal of Media Studies*, 12(3), 44–59.
- Alter, A. (2018). The enduring power of radio advertising in the digital age. *Journal of Advertising Research*, 58(3), 345–357.
- Alter, J. (2018). Advertising through radio: A low-cost medium in a digital world. *Advertising Journal*, 23(1), 12–29.
- Astro Awani. (2024, November 12). Radio ERA dan Hitz terus relevan jadi stesen nombor 1 di Malaysia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/radio-era-dan-hitz-terus-relevan-jadi-stesen-nombor-1-di-malaysia-495964>
- Bay, B. (2007). Transistor radios: From invention to personal media device. *Journal of Communication Technology*, 10(3), 115–128.
- Couldry, N. (2012). *Media, society, world: Social theory and digital media practice*. Polity Press.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Damas, M., & Aleman, F. (2014). The impact of social media on traditional radio broadcasting in Spain. *Media Studies Journal*, 19(2), 123–139.
- Douglas, S. J. (1987). *Inventing American broadcasting, 1899–1922*. Johns Hopkins University Press.
- Farah, S. (2023). Radio as a stress reliever: The case of Astro Radio in Malaysia. *Asian Journal of Communication*, 33(4), 367–382. <https://doi.org/10.1080/01292986.2023.2189652>
- Foxwell, K. (2012). Community radio and social inclusion: Mobilizing communication for the elderly in Australia. *Australian Journal of Community Broadcasting*, 4(1), 57–72.

- GfK. (2022, May 25). 96 per cent of people in Peninsular Malaysia continues to listen to radio weekly. *NielsenIQ*. <https://nielseniq.com/global/en/news-center/2022/96-per-cent-of-people-in-peninsular-malaysia-continues-to-listen-to-radio-weekly/>
- Harliantara, H., & Sjuchro, D. W. (2025). Convergence in radio: An exploration of terrestrial, digital, and multiplatform broadcasting ecosystems. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.5222811>
- Hashim, M. S. (1989). *Literasi media, cabaran penyiaran sosial dan kelangsungan industri televisyen Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Intan Soliha Ibrahim, & Juliana Abdul Wahab. (2021). Peranan, kandungan & penyampaian radio dalam arus pendigitalan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 9(1), 1–15.
- Intan, N., & Juliana, A. (2020). The role of radio in Malaysia's nation-building: Between information and entertainment. *Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 45–61.
- Intan, N., NorHissam, H., & Assis Kamu, M. (2021). Women and radio: Access and consumption patterns. *Jurnal Komunikasi*, 37(1), 81–96.
- Ismail, S., & Hamid, H. (2018). Peranan radio komuniti dalam mempromosikan budaya tempatan: Kajian kes RTM Miri FM. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 34(1), 88–97.
- Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. (2019). *Statistik penduduk Miri*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jamal, M. (2020). Penjenamaan RTM: Kajian radio RTM Sabah. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 36(2), 55–70.
- Jayawardhana, P., Sriram, M., & Jairus, D. (2022). The impact of radio programs on students' emotional well-being. *Journal of Educational Media*, 17(2), 119–133. <https://doi.org/10.1080/17439884.2022.1234567>
- Johan, R. (2019). Peranan radio tempatan dalam memelihara budaya dan warisan masyarakat. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 35(1), 78–92.
- Johnson, P., & Rajadurai, J. (2020). Radio as a tool for knowledge and productivity. *Journal of Development Communication*, 31(1), 56–70.
- Kalonica, A., Nuryana, A., & Febrianty, Y. (2024). Mass attracting strategies in radio broadcasting: Geronimo FM case study. *Indonesian Journal of Media and Culture*, 5(2), 77–92.
- Krause, A., & Fletcher, T. (2023). Radio and well-being: Older adults' engagement with broadcast media. *Media, Culture & Society*, 45(1), 121–138. <https://doi.org/10.1177/01634437221123456>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Kuwi, H. N., & Lai, P. W. (2023). Exploring the evolving landscape of radio broadcasting in Malaysia: Trends and innovations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12), 518–547. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/19787>
- Larking, R. (1997). The impact of media on religious adherence: Issues of control and influence. *Journal of Media and Religion*, 4(3), 112–125.
- Mahat Jamal, Z. (2014). Kandungan radio sebagai alat pembangunan masyarakat. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 30(1), 78–90.
- MalaysiaGazette. (2025). Radio still relevant despite digital disruption. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com>

- MalaysiaGazette.com. (2025, Februari 13). Radio medium komunikasi unik, istimewa. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2025/02/13/radio-medium-komunikasi-unik-istimewa/>
- Manap, N., Razali, S., & Hadi, R. (2019). Radio consumption among Generation Z: Preferences and motivations. *Journal of Youth Studies*, 22(3), 201–218.
- McChesney, R. W. (1994). *Telecommunications, mass media, and democracy: The battle for the control of U.S. broadcasting, 1928–1935*. Oxford University Press.
- McLeish, R. (2005). *Radio production: A manual for broadcasters* (5th ed.). Focal Press.
- Meadows, M., & Foxwell, K. (2011). The role of community radio in fostering local culture and identity. *Australian Community Media Journal*, 15(2), 88–97.
- Mihalis, A. (2016). Radio as a social influence: The evolution of electromagnetic communication. *European Journal of Media Studies*, 28(1), 45–60.
- Mohammed, A. (2018). Radio as a driver of community productivity. *Journal of Social Development*, 7(1), 98–112.
- Musa, R. (2018). Peranan media radio dalam pembentukan identiti nasional Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 34(1), 75–88.
- Muslikhin. (2025). Future of radio broadcasting and audience behavior in streaming and apps. *Jurnal Pustaka Komunikasi*, 8(1), 239–249. <https://doi.org/10.25008/pustakom.v8i1.364>
- Myers, M. (2011). *Voices from villages: Community radio in the developing world*. Washington, DC: World Bank Institute.
- Nakamura, Y. (2013). Broadcasting principles and the digital transition in Japan. *Asian Communication Journal*, 12(4), 267–281.
- Noone, M. (2013). Digital challenges for community radio in Ireland: A case study of adaptation strategies. *Irish Broadcasting Review*, 45(3), 105–118.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw Hill.
- Portal Rasmi Jabatan Penyiaran Malaysia. (2016). Peranan radio RTM dalam pembangunan industri kreatif. *RTM*. <https://www.rtm.gov.my>
- Portal Rasmi Jabatan Penyiaran Malaysia. (2016). Sejarah perkembangan radio di Malaysia. *RTM*. <https://www.rtm.gov.my>
- Price, L. (2017). Radio's role in the digital age: Continuity and change. *Journal of Radio & Audio Media*, 24(2), 210–226.
- Radio Televisyen Malaysia. (2021). *Laporan tahunan RTM: Pembangunan penyiaran digital dan radio tempatan*. Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Rahman, N., & Fauzi, N. (2019). Impact of private radio stations on youth culture in Malaysia. *Media Studies Review*, 10(1), 49–65.
- Saiful Nujaimi, M. (2001). *Kelebihan radio sebagai media komunikasi massa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Saleem, S., Islam, M., & Bukhari, H. (2024). Radio and youth political engagement in South Asia. *Journal of Asian Politics and Society*, 12(2), 145–160.
- Salleh, N., & Hasan, F. (2020). Interaksi sosial dan penglibatan pendengar dalam era digital: Kajian kes Radio Miri FM. *Journal of Digital Communication*, 7(1), 75–89.
- Salman, A., Yusof, N., & Mohamad, A. (2019). Media roles and community empowerment: An analysis of community radio stations in Malaysia. *Journal of Media and Society*, 11(2), 121–138.

- Sarawak FM. (2023). Profil stesen radio dan jadual siaran. *Sarawak FM*. <https://sarawakfm.rtm.gov.my>
- Sawaluddin Anis. (1992). Kajian pendengaran radio di kalangan masyarakat Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 5(1), 68–75.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (7th ed.). Wiley.
- Sinar Harian Online. (2014, December 17). Persaingan radio dan media digital di Malaysia. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my>
- Sinar Harian. (2021). RTM 75 tahun: Hala tuju dan cabaran untuk terus kekal relevan. *Sinar Harian*.
- Siriyuvasak, U. (2002). The role of community radio in Thailand's democratization process. *Asian Media Studies*, 5(3), 41–55.
- Smith, R., Brown, L., & Jones, K. (2017). Media influence on adolescent behavior: The role of music and social interaction. *Journal of Youth Studies*, 20(2), 193–212.
- Sriram, M., Jayawardhana, P., & Jairus, D. (2020). Music and entertainment preferences among students: Radio listening habits. *International Journal of Media Studies*, 15(4), 209–223.
- Straubharr, J., & LaRose, R. (2002). *Media now: Understanding media, culture, and technology* (4th ed.). Wadsworth.
- Susanna, P. (2017). Engagement through social media: Impact on audience loyalty. *Journal of Digital Communication*, 7(1), 193–205.
- Timalsina, R., & Pradhan, S. (2019). Community radio and local empowerment: Case studies from South Asia. *Journal of Community Media*, 11(1), 88–103.
- Victor, C., & Anthony, M. (2020). The role of community radio in promoting minority cultures in Malawi. *African Journal of Cultural Studies*, 23(2), 210–228.
- Wahab, J. A., Ibrahim, I. S., & Abas, A. (2023). Management strategy and challenges for religious radio stations in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 31(2), 487–510. <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/1956>
- Yalala, P. (2015). Impact of community radio on women's empowerment in India. *Journal of Community Media*, 8(4), 210–228.